

KPT teliti cadangan peroleh sijil usahawan daripada Alibaba

POTENSI E-DAGANG SEJAGAT (GET)

- » Program dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dengan kerjasama Kumpulan Alibaba China.
- » Bertujuan membantu pendidik keusahawanan untuk meningkatkan pengetahuan dan amalan dalam e-dagang.
- » Sebahagian inisiatif di bawah memorandum persefahaman (MoU) antara Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Sekolah Perniagaan Alibaba.
- » MoU tersebut yang ditandatangani pada November 2017 menyasarkan untuk melahirkan graduan seimbang, berdaya keusahawanan dan holistik.



Oleh SHARILFUDDIN SAARI

pengarang@utusan.com.my

SINTOK 19 Jan. - Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan meneleiti cadangan untuk bekerjasama dengan Kumpulan Alibaba China bagi mendapatkan sijil yang dikeluarkan oleh syarikat e-dagang terbesar di negara itu, khususnya dalam subjek-subjek keusahawanan di universiti-universiti.

Ketua Setiausaha, Tan Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur berkata, sijil berkenaan penting sebagai bukti penglibatan golongan berkenaan dalam forum dan bengkel berkaitan keusahawanan, di samping ijazah masing-masing.

Menurut beliau, pihaknya akan membawa cadangan yang dikemukakan oleh beberapa pensyarah Universiti Utara Malaysia (UUM) itu ke peringkat kementerian dalam masa terdekat.

"Ini (cadangan) merupakan idea yang baik dan saya akan melihat perkara ini secara serius, apatah lagi keusahawanan kini adalah agenda utama KPT sekarang," katanya dalam sidang akbar selepas menutup Program Latihan kepada Pelatih Potensi E-Dagang Sejagat (GET) yang julung-julung kali diadakan di negara ini di UUM di sini, hari ini.

Yang turut hadir Naib Presiden Kumpulan Alibaba China, Brian A. Wong dan Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak.

Dalam program selama lima



DR. NOORULAINUR MOHD. NUR (tengah) mendengar penerangan daripada peserta UUM selepas menutup Program Latihan kepada Pelatih Potensi E-Dagang Sejagat (GET) di UUM, Sintok, Kedah, semalam.

hari bermula 14 Januari lalu itu seramai 50 pensyarah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dilatih dalam bidang e-dagang oleh enam tenaga pengajar dari Kumpulan Alibaba China.

Universiti terlibat ialah UUM, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), kolej-kolej komuniti dan politeknik.

Brian berkata, Kumpulan Alibaba China menyasarkan untuk melatih dan membangunkan seramai 10,000 rakyat negara ini setahun dalam bidang e-dagang melalui latihan yang diberikan kepada tenaga pengajar di universiti.

"Kita berharap tenaga pengajar ini kemudian akan mengajar pelajar-pelajar mereka nanti.

"Pihak syarikat gembira kerana kerajaan Malaysia mempunyai visi bukan sahaja untuk menjadikan negara ini sebagai ekonomi digital tetapi juga di rantau ini melalui penubuhan Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ).

"Minggu depan, kita akan bawa seramai 30 pelajar yang merupakan bakal-bakal usahawan ke Hangzhou, China selama tujuh hari untuk menunjukkan ekosistem e-dagang di sana (China)," katanya sambil menambah kata, ia merupakan satu daripada empat projek yang telah dirancang oleh pihaknya dalam masa terdekat.



Ini (cadangan) merupakan idea yang baik dan saya akan melihat perkara ini secara serius, apatah lagi keusahawanan kini adalah agenda utama KPT sekarang."

NOORULAINUR MOHD. NUR
Ketua Setiausaha
Kementerian
Pendidikan Tinggi